

# **ZIKIR PAGI DAN PETANG: SATU KAJIAN MENGENAI APLIKASI AL-MATHURAT DALAM KALANGAN PELAJAR FPQS**

**Siti Nur Ain Binti Md Shahimi**

Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +6011-30845517 Email: ainnur.siti@raudah.usim.edu.my

**Wan Nazierah Binti Wan Hassan**

Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +6014-6514394 Email: nazierah.zie@raudah.usim.edu.my

**Khairul Najwa Binti Che Hamid**

Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +6011-12840979 Email: najwahamid@raudah.usim.edu.my

**Syed Najihuddin Bin Syed Hassan**

Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +6011-26395798 Email: syednajihuddin@usim.edu.my

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai,  
Negeri Sembilan

*Abstrak: Al-Mathurat dikenali sebagai salah satu karya milik Imam Hasan Al-Bana, dalamnya terdapat kumpulan ayat-ayat al-Quran, hadis pilihan dan himpunan doa harian. Demikian, dunia kini semakin maju dengan kecanggihan teknologi, di mana Al-Mathurat telah ditransformasikan kepada satu aplikasi yang menggabungkan himpunan zikir pagi dan petang. Ia dikenali sebagai aplikasi Al-Mathurat yang mana boleh didapatkan di “playstore”. Namun, ramai di kalangan pelajar FPQS tidak mengetahui tentang kewujudan aplikasi Al-Mathurat ini bahkan kesibukan dengan jadual seharian menyebabkan tidak sempat untuk membaca Al-Mathurat. Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan fungsi penggunaan aplikasi Al-Mathurat dalam kalangan pelajar FPQS. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kuantitatif iaitu mengumpul data melalui kajian soal selidik dan juga kaedah kualitatif iaitu melalui tinjauan bahan-bahan rujukan dan pustaka. Hasil kajian ini mendapati aplikasi Al-Mathurat dapat menggalakkan pelajar mengamalkan zikir disamping memudahkan pelajar*

*mengakses aplikasi ini dimana-mana sahaja. Penggunaan aplikasi mobile ini adalah satu alternatif terkini dalam menyampaikan dakwah secara pantas dan cepat tanpa mengira waktu dan lokasi. Lantaran itu, penggunaan aplikasi Al-Mathurat ini perlu didedahkan secara lebih meluas dalam kalangan pelajar FPQS. Kesimpulannya, kewujudan aplikasi Al-Mathurat ini memudahkan pengguna bagi mengamalkan zikir pagi dan petang serta dapat dijadikan sebagai satu platform rujukan dalam pembacaan zikir sughro dan kubro. Justeru itu, diharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada pelajar FPQS terhadap penggunaan aplikasi tersebut dan dapat dijadikan sebagai amalan zikir harian.*


***Kata Kunci:*** Aplikasi, Al-Mathurat, Zikir

## Pendahuluan

Al-Mathurat merupakan himpunan bacaan-bacaan bersumberkan Al-Quran dan sunnah. Ia mengandungi doa mat'hur iaitu sahih daripada Raasulluah S.A.W yang dikumpulkan oleh As-Syahid Imam Hasan Al-Bana. Beliau Menyusunnya berdasarkan hadis Rasulluah S.A.W yang terdapat dalam kitab sunan. Al-Mathurat ini mengumpulkan pelbagai doa dan doa-doa ini sangat sesuai dijadikan amalan zikir pagi dan petang. Himpunan zikir dan doa ini terdapat dalam buku yang bersaiz kecil untuk dijadikan sebagai rujukan amalan harian. Buku Ma'thur yang telah disusun oleh Imam Hassan Al-Banna merupakan satu inisiatif yang sangat baik kerana mampu membantu Muslim untuk mudah mendapatkan koleksi bacaan zikir yang betul untuk diamalkan. Malah, kini terdapat pelbagai aplikasi di telefon pintar yang telah menukarkannya ke dalam bentuk digital supaya lebih mudah diakses oleh sesiapa sahaja.



Rajah 1: Aplikasi Al-Ma'tsurat




Rajah 2: Muka Hadapan Aplikasi Al-Mathurat

Perkembangan teknologi maklumat di seluruh dunia terutama di Malaysia yang berkembang dengan pesat, menjadikan zikir Al-Mathurat yang asalnya dari buku juga telah diciptakan satu aplikasi telefon pintar. Aplikasi telefon pintar ini adalah sebuah perisian aplikasi direka untuk digunakan di peranti mudah alih seperti telefon pintar dan komputer tablet. Penciptaan aplikasi Al-Mathurat ini memudahkan pengguna beragama Islam untuk membaca wirid Al-Mathurat dimana-mana sahaja dan bila-bila masa. Ini kerana, Al-Mathurat mempunyai banyak kelebihan kepada pengamal zikirnya. Aplikasi al-mathurat hanya boleh dimuat turun di hujung jari dengan adanya jaringan Internet yang sudah menjadi kepentingan kepada hampir semua manusia. Aplikasi Al-Mathurat ini boleh dibuat Carian di Google Play Store menggunakan perkataan 'Mathurat Apps' di kotak carian. Aplikasi al-mathurat yang digunakan dalam kajian ini dimuat turun dari Google Play Store adalah 'Al Mat'surat'. Kandungan dalam aplikasi Al-Mat'surat ini mempunyai zikir sughro pagi dan petang dan zikir kubro pagi dan petang. Aplikasi al matusurat ini menyediakan bacaan zikir dalam tulisan rumi. Ini memberi kemudahan kepada pengguna aplikasi Al-Mat'surat yang masih dalam fasa belajar membaca Al-Quran, serta aplikasi ini juga menyediakan maksud dalam Bahasa Melayu untuk pengguna memahami setiap ayat yang dibaca. Aplikasi Al-Mathurat ini menyediakan set notifikasi kepada pengguna untuk memberi peringatan waktu jika sudah sampai masa untuk membaca zikir Al-Mathurat serta disediakan juga 'tasbeeh counter' untuk memudahkan berapa kali zikir Mathurat telah dibaca.



Rajah 3: Ciri Tasbih



Rajah 4: Ciri Notifikasi



Rajah 5: Ciri Penulisan Rumi

Bacaan al-mathurat pagi dan petang ini tentunya biasa dilakukan dengan aktiviti harian. Bacaan al-mathurat pagi dan petang juga memiliki beberapa manfaat dan keutamaannya. Pentingnya bacaan al-mathurat tidak hanya semata-mata melaksanakan kewajiban sebagai umat muslim akan tetapi terdapat banyak manfaat yang dapat diperolehi daripada bacaan tersebut. Antara manfaatnya ialah bacaan al-mathurat merupakan amalan yang dicintai oleh Rasulullah SAW. Bahkan Rasulullah tidak pernah meninggalkan bacaan al-mathurat ini setiap harinya. Hal ini juga membuktikan bacaan al-mathurat menjadi salah satu sunnah rasul yang dianjurkan oleh umat muslim. Selain itu, ia memberikan ketenangan diri. Sesuai dengan maknanya, zikir membawa maksud mengingat Allah. Dengan mengingat Sang Pencipta akan menimbulkan ketenangan diri dan akan semakin sadar, bahwasanya setiap ciptaan-Nya tidak sendiri di dunia ini. Selalu ada Allah yang menemani dan menjamin kehidupan hamba-Nya. Ini sesuai dengan ayat Al-quran yang berfirman: "...Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah-lah hati menjadi tenang." (QS. Ar-Ra'd: 28). Manfaat yang seterusnya adalah memperoleh ganjaran syurga yang dijanjikan. Sebagai amalan mulia yang dicintai Allah dan Rasulullah tentulah bacaan al-mathurat yang akan membawa kenikmatan yang tidak terhingga. Siapa pun yang membaca setiap harinya akan dijanjikan syurga oleh Allah. Dari Syaddad bin Aus radhiyallahu 'anhu, ia berkata bahwa Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda, "Barang siapa mengucapkan zikir ini di siang hari dalam keadaan penuh keyakinan, lalu ia mati pada hari tersebut sebelum petang hari, maka ia termasuk penghuni syurga. Dan barang siapa yang mengucapkannya di malam hari dalam keadaan penuh keyakinan, lalu ia mati sebelum subuh, maka ia termasuk penghuni syurga." (HR. Bukhari (7/150, no. 6306).

Seperti yang telah diungkapkan, kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan definisi aplikasi Al-Mathurat kerana ramai dikalangan pelajar tidak mengetahui kewujudan aplikasi ini. Tujuan kajian yang seterusnya untuk menganalisis manfaat penggunaan Al-Mathurat dalam kalangan pelajar, serta mengenalpasti fungsi-fungsi kegunaan Al-Mathurat dalam kalangan pelajar FPQS. Dalam aplikasi tersebut terdapat beberapa keistimewaannya tersendiri antaranya, setiap individu boleh menggunakan aplikasi ini dengan mudah, disampaikan dalam keadaan yang jelas

dan boleh dibaca dengan baik. Oleh itu, aplikasi Al-Mathurat ini sedikit sebanyak membantu semua dalam membaca doa dan zikir dengan betul dan juga menghafal secara tidak langsung ia merupakan amalan harian yang baik ini. Manakala, aplikasi ini merupakan medium yang ringkas dan mudah untuk dibawa kemana sahaja kita berada untuk digunakan.

## **Tinjauan Literatur**

Kajian yang dijalankan Md. Rashedul, Md. Rofiqul & Tahidul Arafhin (2010) mengenai aplikasi mudah alih atau mobile apps merupakan sebuah program yang dimuatkan ke dalam alat mudah alih dan membantu pengguna untuk mendapatkan maklumat terkini dengan pantas, tanpa batasan lokasi dan pada bila-bila masa. Kajian yang dijalankan oleh Ronizam Ismail, Shahrul Niza Samsudin, Wahid Ab Sulaiman, Norzaimah Zainol, Dina Syafini Zaid (2015) mengenai aplikasi telefon pintar yang mudah dibangunkan oleh sesiapa sahaja menyebabkan pengguna mudah untuk mendapatkan aplikasi yang diinginkan dan sesuai untuk kegunaan semasa. Majoriti aplikasi tersebut boleh didapati secara percuma manakala ada beberapa aplikasi mengenakan bayaran untuk akses yang lebih banyak. Penggunaan aplikasi mudah alih yang bercirikan dakwah Islam pula semakin mendapat tempat di hati masyarakat Malaysia. Kebanyakan pengguna memuat turun aplikasi yang berkaitan dengan Islam yang bersesuaian dengan tujuan dan amalan harian mereka.

Menurut, Shahrul Niza Samsudin (2015) sebelum ini, buku atau kitab digunakan sebagai rujukan utama namun dengan adanya aplikasi mudah alih yang mudah didapati di telefon pintar, mereka boleh mengakses kandungan yang sama hanya menggunakan hanya satu alat yang boleh dibawa ke mana sahaja dan tidak mengambil ruangan yang besar untuk penyimpanan aplikasi tersebut. Dalam kajian berkenaan menerangkan walaupun banyak aplikasi yang telah dibangunkan sejak kebelakangan ini, namun aplikasi telefon pintar yang bercirikan keagamaan terutamanya agama Islam masih kurang jika dibandingkan dengan aplikasi-aplikasi yang lain.

Kajian yang dijalankan oleh Muhammad Asnajib (2020) adalah untuk meneliti resepsi Santri terhadap pembacaan Zikir Al-Mathurat yang dilakukan pada Waktu Pagi dan petang. Dalam kajian berkenaan empat gaya penelitian yang digunakan sebagai Proses tindakan iaitu tindakan tradisional tindakan afektif tindakan afeksi dan nilai rasional. Sempel kajian terdiri daripada beberapa pelajar dan Lembaga pendidikan daripada Islamic Boarding House Mulia Dua dengan menggunakan pendekatan teori tindakan social max waber bagi menelusuri pembacaan zikir Al-Mathurat dalam kalangan pelajar. Hasil Kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara keempat-empat gaya Tindakan. Pada tindakan tradisional, dapat dilihat dari upaya mereka untuk melestarikan kebiasaan berzikir setiap hari. Tindakan afektif dapat dilihat dari emosi yang ditampilkan terhadap tradisi pembacaan Al-Mathurat. Manakala, Tindakan afeksi pula dianggap sebagai kebutuhan membaca Al-Mathurat adalah tanggungjawab kerana seorang muslim. Nilai instrumental pula terlihat dari motivasi para guru yang melaksanakan zikir mathurat kerana ingin mendapatkan ketenteraman dan ketenangan hati.

Kajian yang dijalankan oleh Mikhail Al-Jauzi (2013) dalam Jurnal Jabatan Kemajuan Islam memperkenalkan bahawa Al-Mathurat merupakan sekumpulan zikir yang terdiri daripada ayat-ayat Al-Quran dan hadis Rasulullah SAW, yang disusun oleh Hasan Al-Bana, dan diamalkan dalam wirid yang beliau baca, tujuan pengamalan doa ini untuk menguatkan hati untuk taat kepada Allah dan menjaga kestabilan jiwa manusia (Al-Bana, 206, hal.3). Zikir Al-Mathurat didasarkan pada lafaz-lafaz doa yang berasal daripada Rasulullah SAW. (Al-Bana, hal.3). Hasil kajian ini mendapati, Himpunan zikir dan doa dalam bentuk risalah kecil ini dapat memberi

manfaat kepada umat islam agar menjadikan ia sebagai amalan harian. Kajian ini memberi pendedahan kepada umat islam terutamanya dalam kalangan pelajar dapat mengetahui kelebihan-kelebihan mengamalkan bacaan zikir harian samada merujuk risalah kecil Al-Mathurat atau melalui aplikasi Al-Mathurat yang boleh didapati dalam Google Play.

Dapatan kajian oleh Wahidah, (2021) bertujuan untuk meneliti tentang pembiasaan zikir pagi membaca al-mathsurat dalam membentuk spiritual peserta didik di SMP Muhammadiyah Sukamara. Kajian ini menggunakan jenis penelitian lapangan. Penggalan data dilakukan dengan metode observasi langsung, wawancara kepada subjek penelitian iaitu guru pembimbing Al-Quran dan dengan informen penelitian iaitu pengetua sekolah, pelajar dan ibu bapa pelajar. Hasil penggalan data dideskripsikan secara kualitatif analitik. Temuan penelitian adalah kegiatan membaca zikir pagi al-mathurat adalah program sekolah yang disosialisasikan saat pengenalan sekolah dan penerimaan peserta pendidik baru. Kajian ini perlu dititik beratkan lagi berkaitan pengamalan bacaan al-mathurat agar pelajar dapat mengamalkannya dimana sahaja mereka berada bukan dilakukan hanya di sekolah.

## **Metodologi Kajian**

Jenis kajian ini adalah kaedah kuantitatif dan kualitatif. Bentuk kaedah kuantitatif iaitu mengumpul data melalui kajian soal selidik yang disediakan melalui google form. Kaedah kuantitatif dilakukan adalah untuk menganalisis seberapa ramai pelajar FPQS mengambil tahu mengenai aplikasi Al-Mathurat. Seterusnya, bentuk kaedah kualitatif iaitu melalui tinjauan bahan-bahan rujukan dan pustaka. Seperti yang diketahui, penyelidikan kualitatif juga memberikan pandangan dan pemahaman tentang sesuatu pengalaman.

## Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Kajian ini telah dijalankan secara soal selidik melalui google form yang disebarikan kepada pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah mengenai 'Zikir Pagi dan Petang: Suatu Kajian Mengenai Aplikasi Al-Mathurat dalam Kalangan Pelajar FPQS'. Seramai 118 responden yang dipilih secara rawak dalam kajian ini.

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Responden	Peratusan (%)
19-21	54	45.7
22-24	58	49.2
25-27	6	5.1

Berdasarkan jadual di atas, taburan dapatan responden yang diperoleh daripada kajian ini, didapati pelajar seramai 54 pelajar yang berumur antara 19 hingga 21 tahun, manakala seramai 58 pelajar yang berumur sekitar 22 hingga 24 tahun dan 6 orang pelajar yang berumur 25 hingga 27 tahun yang menjawab soal selidik ini.

**Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Tahun Pengajian**

Tahun Pengajian	Bilangan Responden
Tahun Pertama	45
Tahun Kedua	21
Tahun Ketiga	16
Tahun Keempat	36

Antara taburan responden mengikut tahun pengajian telah memberi maklum balas terdiri daripada Tahun 1 iaitu seramai 45 orang pelajar, Tahun 2 seramai 21 orang pelajar, manakala Tahun 3 seramai 16 orang pelajar dan Tahun 4 seramai 36 orang pelajar.

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Program Pengajian

Program Pengajian	Bilangan Responden
Pengajian Quran dan Sunnah	70
Pengajian Quran dan Multimedia	9
Pengajian Sunnah dan Pengurusan Maklumat	12
Pengajian Qiraat.	27

Selain daripada maklumat taburan responden mengikut tahun pengajian yang berlainan, responden kajian juga dikategorikan mengikut program pengajian yang berlainan pada peringkat ijazah sarjana muda. Berdasarkan jadual 3, antara program pengajian yang menjadi sasaran dalam soal selidik ini ialah kos Pengajian Quran dan Sunnah yang didapati bilangan

yang tertinggi iaitu seramai 70 orang pelajar, manakala seramai 9 orang pelajar daripada kos Pengajian Quran dan Multimedia. Lantas itu, seramai 12 orang pelajar daripada kos Pengajian Sunnah dan Pengurusan Maklumat dan akhir sekali, seramai 27 orang pelajar daripada kos Pengajian Qiraat.

Jadual 4: Pengetahuan Tentang Al-Mathurat

Bil.	Skala	Responden	Peratusan %
1.	Ya	118	100%
2.	Tidak	0	0%

4. Adakah anda mengetahui apa itu Al-Mathurat? (0 point)



Rajah 6: Pengetahuan Tentang Al-Mathurat

Carta pai pada rajah 6 di atas didapati majoriti responden iaitu seramai 118 orang pelajar (100%) dari Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah yang mengetahui tentang Al-Mathurat. Manakala 0% menunjukkan tiada seorang pun yang tidak mengetahui tentang Al-Mathurat.

Jadual 5: Definisi Al-Mathurat

Bil.	Skala	Responden	Peratusan %
1.	Himpunan Zikir dan Doa Yang dari Al-Quran dan Hadis	113	95%
2.	Himpunan Ayat Al-Quran sahaja	5	4.2%
3.	Himpunan Ayat Hadis sahaja	0	0%

5. Apakah yang dimaksudkan dengan Al-Mathurat? (0 point)




### Rajah 7: Definisi Al-Mathurat

Carta pai pada rajah 7 tentang defenisi Al-mathurat. Carta tersebut menunjukkan Seramai 113 orang responden (95%) yang terdiri pelajar Fakulti pengajian Quran dan sunnah menyatakan maksud Al-Mathurat ini adalah Himpunan Zikir dan Doa Yang terdapat dalam Al-Quran dan Hadis. Manakala seramai 5 orang responden (4.2%) menyatakan Al-mathurat ini merupakan himpunan yang terdiri daripada Ayat Al-Quran sahaja dan tiada responden (0%) yang menyatakan Al-mathurat dari himpunan hadis-hadis sahaja.

Jadual 6: Bacaan Al-Mathurat Pada Setiap Pagi Dan Petang

Bil.	Skala	Responden	Peratusan %
1.	Ya	39	33%
2.	Tidak	8	6%
3.	Jarang	71	60%

6. Adakah anda membaca Al-Mathurat setiap pagi dan petang? (0 point)




### Rajah 8: Bacaan Al-Mathurat Pada Setiap Pagi Dan Petang

Berpandukan carta pai pada rajah 8, seramai 71 orang responden (60%) menyatakan jarang membaca Al mathurat pada waktu pagi dan petang. Manakala, seramai 39 orang responden (33%) yang membaca Al-Mathurat pada paktu pagi dan petang. Namun sebaliknya, 8 orang responden (6%) tidak membaca Al-mathurat.

Jadual 7: Pengetahuan Mengenai Kewujudan Aplikasi Al-Mathurat

Bil.	Skala	Responden	Peratusan %
1.	Ya	71	60
2.	Tidak	29	25
3.	Mungkin	18	15

7. Adakah anda mengetahui kewujudan aplikasi AI-Mathurat? (0 point)




**Rajah 9: Pengetahuan Mengenai Kewujudan Aplikasi AI-Mathurat**

Dapatan kajian daripada jadual di atas menunjukkan bahawa seramai 71 orang responden yang mengetahui tentang kewujudan aplikasi AI-Mathurat ini. Peratusan bagi skala jawapan ya adalah sebanyak (60%). Manakala, terdapat juga sebahagian daripada responden yang tidak mengetahui tentang kewujudan aplikasi AI-Mathurat ini iaitu seramai 29 orang dengan peratusan sebanyak (25%). Walaubagaimanapun, seramai 18 orang responden dengan peratusan (15%) telah memilih jawapan kepada mungkin berkaitan tentang mengetahui kewujudan aplikasi AI-Mathurat ini.

Jadual 8: Penggunaan Aplikasi AI-Mathurat

Bil.	Skala	Responden	Peratusan %
1.	Ya	49	42
2.	Tidak	66	56
3.	Sedang menggunakan	3	3

8. Pernahkah anda menggunakan aplikasi AI-Mathurat? (0 point)



**Rajah 10: Penggunaan Aplikasi AI-Mathurat**

Dapatan hasil kajian menunjukkan daripada 118 responden terdapat sedikit jurang perbezaan antara 3 pilihan jawapan di atas iaitu seramai 49 orang responden dengan peratusan (42%) telah memilih jawapan ya kerana pernah menggunakan aplikasi AI-Mathurat ini. Manakala, bilangan yang paling tinggi bagi skala pilihan jawapan yang menjawab tidak pernah menggunakan aplikasi AI-Mathurat ini seramai 66 orang responden. Peratusan bagi skala jawapan tidak adalah sebanyak (56%). Seterusnya, bagi bilangan yang paling rendah untuk skala jawapan sedang menggunakan aplikasi AI-Mathurat ini ialah seramai 3 orang responden. Bahkan juga, peratusan bagi skala jawapan sedang menggunakan adalah sebanyak (3%). Maklumat yang

lebih jelas dapat dilihat pada jadual dan rajah di atas.

Jadual 9: Medium Yang Digunakan Untuk Membaca Al-Mathurat

Bil.	Skala	Responden	Peratusan %
1.	Buku Al-Mathurat	86	73
2.	Google	3	3
3.	Youtube	2	7
4.	Aplikasi Al-Mathurat	27	23

9. Apakah medium yang anda gunakan untuk membaca Al-Mathurat? (0 point)



Rajah 11: Medium Yang Digunakan Untuk Membaca Al-Mathurat

Berdasarkan jadual di atas, peratusan responden kepada pilihan jawapan bagi medium yang menggunakan buku Al-Mathurat adalah seramai 86 orang responden dengan peratusan sebanyak (73%). Manakala, pemilihan jawapan bagi jenis medium yang paling kurang digunakan untuk membaca Al-Mathurat ialah medium google iaitu 3 orang responden sahaja. Peratusan bagi medium google juga mendapat nilai yang sama iaitu (3%). Seterusnya, bagi medium youtube pula adalah medium yang paling sedikit bilangan responde iaitu hanya 2 orang sahaja. Bagi peratusan melalui penggunaan medium youtube adalah sebanyak (7%) sahaja. Seterusnya, bagi medium yang menggunakan aplikasi Al-Mathurat untuk membaca Al-Mathurat pula adalah seramai 27 orang responden dengan nilai peratusan (23%).

Jadual 10: Manfaat Aplikasi Al-Mathurat

Bil.	Manfaat Aplikasi Al-Mathurat	Bilangan Responden	Peratusan(%)
1.	Boleh dibaca dimana-mana dan pada bila-bila masa sahaja	99	83.9
2.	Mudah dimuat turun di Play Store	5	4.23
3.	Memberi notifikasi untuk mengingatkan membaca setiap pagi dan petang	14	11.86

10. Pada pendapat anda, apakah manfaat aplikasi Al-Mathurat kepada pengguna? (0 point)



**Rajah 12: Manfaat Aplikasi Al-Mathurat**

Carta pai pada rajah di atas menunjukkan, apakah pendapat pelajar FPQS mengenai manfaat aplikasi al-mathurat kepada pengguna. Jumlah tertinggi dalam carta pai menunjukkan seramai 99 orang pelajar fpqs menyokong bahawa manfaat yang diperolehi daripada aplikasi ini ialah boleh dibaca dimana-mana dan pada bila-bila sahaja iaitu peratusan sebanyak 83.9%. Seramai 5 orang pelajar memberi pendapat bahawa aplikasi Al-Mathurat ini mudah dimuat turun di Play Store iaitu sebanyak 4.23% manakala seramai 14 orang pelajar menyokong bahawa aplikasi Al-Mathurat ini memberi manfaat dari segi ia memberi notifikasi untuk mengingatkan membaca Al-Mathurat setiap pagi dan petang iaitu sebanyak 11.86%.

**Jadual 12: Persetujuan Islamic Apps Diperbanyakkan Lagi**

Bil.	Skala	Bilangan Responden
1.	Setuju	118
2.	Tidak setuju	0

11. Adakah anda bersetuju 'Islamic Apps' diperbanyakkan lagi? (0 point)



**Rajah 13: Persetujuan Islamic Apps Diperbanyakkan Lagi**

Berdasarkan carta pai pada rajah di atas, seramai 118 orang pelajar FPQS iaitu 100% bersetuju mengenai memperbanyakkan lagi 'Islamic Apps' di Malaysia. Seperti yang diketahui, kecanggihan teknologi sekarang dimana hampir semuanya menggunakan telefon pintar. Penciptaan lebih banyak Islamic Apps dalam masyarakat amat memudahkan dalam segala hal sebagai contoh Aplikasi Kiblat yang dapat menentukan arah kiblat walaupun dimana berada, Aplikasi Quran yang memudahkan membaca al-quran dengan tidak perlu membawa mushaf, Muslim Pro yang memberitahu masuknya waktu solat walau dimana sahaja tempatnya dan Aplikasi Al-Mathurat yang dapat dibaca pada bila-bila masa sahaja. Oleh itu, amat penting untuk penciptaan aplikasi dalam memudahkan masyarakat Islam.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, aplikasi Al-Mathurat yang telah dicipta oleh Waluku Studio berkembang mengikut kecanggihan teknologi seiring dengan keperluan harian sebagai umat Islam. Kajian ini telah mengkaji untuk memperkenalkan fungsi penggunaan aplikasi Al-Mathurat dan kelebihan-kelebihan menggunakan aplikasi tersebut. Terdapat beberapa kegunaan dalam aplikasi Al-Mathurat tersebut iaitu disediakan tulisan rumi untuk memudahkan pemula dalam proses pembacaan, 'tasbih counter', serta tulisan yang jelas dan memuaskan pengguna terhadap aplikasi ini. Bahkan, aplikasi ini juga boleh digunakan dimana-mana dan bila-bila masa sahaja. Walaubagaimanapun, ianya juga mempunyai kelebihan dan kekurangannya tersendiri yang boleh diperbaiki lagi. Oleh itu, penggunaan aplikasi Al-Mathurat perlu diperluaskan lagi supaya lebih dikenali dalam kalangan umat Islam dan dapat diperbanyakkan penciptaan 'Islamic Apps' untuk kegunaan ummah.

## Rujukan

- A.Rahim, U. H. (2011). Penglibatan Digital: Akses dan Penggunaan E-Agama Dalam Kalangan Generasi Muda Muslim. *Malaysian Journal Of Communication*, Jilid 27(2).
- Aliff Nawil, M. I. (2014). POTENSI PENGGUNAAN APLIKASI MUDAH ALIH (MOBILE APPS) DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM. *The Online Journal of Islamic Education*.
- Ismail, R. (2015). KAJIAN TINJAUAN LITERATUR TERHADAP APLIKASI MUDAH ALIH BERUNSURKAN ISLAM "ISLAMIC MOBILE APPS". *Islamic Heritage International*.
- Nawil, M. A. (2012). The Impact of Globalization on Current Islamic Education. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*.
- Rahman, K. A. (2015). Perkembangan Aplikasi Mudah Alih Dalam Penyebaran Dakwah Islam. *International Conference on Information Technology & Society*.
- Muhammad Asnajib (2020, June 29 ) : *Resepsi Dzikir Al-Ma'tsurat Dalam Menghafal Alquran . Al-Bayan: Jurnal Studi Ilmu Al- Qur'an dan Tafsir al-bayan.*, Penerbit : Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta Jl. Laksda Adisucipto, Sleman Yogyakarta.
- Mikhail Al-Jauzi (2013), Jurnal Jabatan Kemajuan Islam : Dzikir Al-Ma'thurat Asy-Shahid Imam HASSAN Al-Banna ,(Cetakan 2009-2013 ). Penerbit : Jabatan Kemajuan Islam Darul Tenggara ,Selangor.
- Abdullah A'zam ( 1999 Januari 1) ,*Zikir pagi dan petang yang sah "daripada Al-Mathurat dan daripada kata-kata yang baik"* .Penerbit : Perpustakaan Darul Fadhillah untuk Penerbitan, Pengedaran dan Eksport.
- Imran Dfajar , Herlinda , (2016, januari 6-7), *Seminar Nasional Teknologi Informasi Dan Multimedia 2016 : Perancangan Aplikasi Doa dan Wirid Muslim Berbaris Android*. Penerbitan: Teknik Informatika STMK Dipanegara Makassar Jalan Perintis Kemerdekaan KM.9 Makassar.
- M-Hisyam Bin Hashim 2017, May 07 ) , Al-Mathurat dan surah Yassin As-Syahid Imam Hassan Al-Banna pdf Edisi- 20 .Pernerbit : Darul Numan , Wilayah Persekutuan.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, A. H. (2018). HUBUNGAN DI ANTARA KAEDAH PENGAJARAN TAHFIZ AL-QURAN DENGAN. *ICIRKED 2018*, 1-100.

- Rifki Febrian, D. F. (2022). PENYULUHAN PENGENALAN APLIKASI DZIKIR PAGI DAN PETANG PADA USIA. [*JURNAL KREATIVITAS PENGABDIAN KEPADA MASYARAKAT (PKM)*], 1080-1089.
- Wahidah, K. K. (2021). PEMBIASAAN ZIKIR PAGI MEMBACA AL-MA'TSURAT DALAM. *PROSIDING SEMINAR NASIONAL PENDIDIKAN PROGRAM PASCASARJANA UNIVERSITAS PGRI PALEMBANG 15-16 JANUARI 2021*, 114-120.
- Walid Mohd Said, N. Z. (2020). SUNNAH RASULULLAH SAW MENERUSI AMALAN WIRID PAGI DAN PETANG. *Proceedings of the 7*, 629-636.
- Nadzri bin Musnman, N. S. (2018). PENGARUH PENDIDIKAN SPIRITUAL DALAM AMALAN KEROHANIAN. *eProsiding : ICIRKED 2018*, 1-600.